

XYLOCON NASAL DROPS®

Oxymetazoline Hydrochloride USP (0.05%, 0.025%)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Xylocon*
2. Bagaimana *Xylocon* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Xylocon*
4. Cara menggunakan *Xylocon*
5. Semasa menggunakan *Xylocon*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Xylocon*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran product
10. Tarikh kemaskini

Apakah kegunaan *Xylocon*

Digunakan untuk melegakan kesesakan hidung dalam selesema yang serius, sinusitis (radang sinus), eustachitis (Radang membran mukus tiub Eustachia), dan otitis media (radang pada telinga tengah).

Bagaimana *Xylocon* berfungsi

Bahan aktif *Xylocon*, Oxymetazoline hydrochloride mempunyai kesan dekongestan pada membran mukus. Penggunaan titis hidung ini melegakan kesesakan mukosa hidung yang radang dan dengan itu untuk normalisasi hidung bernafas.

Sebelum menggunakan *Xylocon*

• Bila tidak boleh mengambil

Jangan menggunakan *Xylocon* nasal drops jikalau:

- Anda hipersensitif pada bahan aktif atau bahan-bahan lain dalam *Xylocon*
- Anda adalah kanak-kanak di bawah 12 tahun.
- Jika anda mempunyai radang kulit pada kulit dan mukosa pada bahagian hadapan hidung bersama dengan lapisan yang keras (rhinitis sicca)
- Anda mempunyai glaukoma sudut sempit
- Anda mempunyai tekanan darah tinggi, penyakit jantung atau asma

- Anda mempunyai apa-apa gangguan metabolik (contohnya: hipertiroidisme, kencing manis)
- Anda mempunyai Phaeochromocytoma (ketumbuhan kecil vaskular sumsum belakang adrenal)

Mengandung dan menyusu

Xylocon titisan hidung hanya boleh digunakan selepas berunding dengan doktor semasa mengandung dan menyusukan anak. Jangan melebihi dos yang disyorkan.

• Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda jika:

- Anda menjalani rawatan dengan perencat *monoamine-oxidase* (MAOI's)
- Jika anda menghadapi penyakit jantung, tekanan darah tinggi, penyakit tiroid, kencing manis atau kesukaran membuang air kencing.
- Jika anda hamil dan menyusukan bayi.

• Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain, terutamanya:

- Antihipertensif (agen untuk menurunkan tekanan darah)
- *Monoamine oxidase inhibitor* (MAOI) (ubat untuk merawat kemurungan).
- Ubat merawat *Parkinson* (bromocriptine)
- Ubat *Tricyclic antidepressants* (ubat untuk merawat kemurungan)

Cara menggunakan *Xylocon*

Berapa banyak harus digunakan

Xylocon 0.025% Nasal Drops:

Dalam kes-kes rinitis dan sinusitis: Kanak-kanak kecil: 1-2 titik ke dalam setiap lubang hidung, 2-3 kali sehari Hanya digunakan oleh orang dewasa dan kanak-kanak berumur lebih daripada 12 tahun.

Xylocon 0.05% Nasal Drops:

Dalam kes-kes rinitis dan sinusitis:

Kanak-kanak kecil: 1-2 titik ke dalam setiap lubang hidung, 2-3 kali sehari Hanya digunakan oleh orang dewasa dan kanak-kanak berumur lebih daripada 12 tahun

Penggunaan: Jangan menelan ubat ini

Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu menggunakan *Xylocon* Nasal Drops

• Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan *Xylocon* untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Melainkan dinyatakan secara khusus oleh doktor, *Xylocon* hanya boleh digunakan untuk jangka masa yang pendek (sehingga 10 hari).

• Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Guna dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengguna dos seterusnya pada masa biasa. Jangan guna dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

• Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Simptom-simptom terlebih dos:

- Depresi sistem saraf pusat yang mengakibatkan koma dan penurunan suhu badan yang ketara, terutamanya pada bayi.
- Takikardia (kadar jantung yang lebih cepat daripada biasa)
- Rasa mengantuk
- Keadaan seperti terkejut

Anda dinasihatkan untuk menghubungi doktor anda dengan segera jika anda mengambil berlebihan. *Xylocon Nasal Drops*.

Semasa menggunakan *Xylocon*

Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda seperti yang doktor anda telah memberitahu anda.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil *Xylocon*.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa mengambil ubat ini.

• Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.

Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan berikan *Xylocon* kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom yang sama atau keadaan seperti anda.

• Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan penggunaan berterusan dalam dos yang tinggi.
- Tempoh penggunaan adalah tidak melebihi 10 hari berturut-turut.
- Jangan berkosi dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.
- Jika anda hamil dan menyusukan bayi

Kesan kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, *Xylocon Nasal Drops* boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan:

- Gigitan setempat atau rasa terbakar, selsema dan kekeringan mulut dan tekak.
- Penggunaan berpanjangan atau berlebihan boleh menyebabkan sumbatan kembali semula dan

rinitis yang terjadi disebabkan penggunaan ubat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nptra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan *Xylocon*

- Penyimpanan

Simpan pada suhu bawah 30°C.

Lindungi daripada cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak. Gunakan dalam tempoh 28 hari selepas dibuka pada suhu di bawah 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Cecair tanpa warna dan berbau rose, diisi dan dimeteraikan dalam bekas plastik.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Oxymetazoline Hydrochloride

- Bahan tidak aktif

Anhydrous Disodium Hydrogen Phosphate

Potassium Dihydrogen Phosphate (Anhydrous)

Disodium Edetate

Benzalkonium chloride

Sodium chloride

Phenylethyl Alcohol

Benzyl alcohol

Purified water

- MAL number(s):

Xylocon 0.025% Nasal Drops:

MAL17015027AZ

Xylocon 0.025% Nasal Drops:

MAL17015028AZ

Pengilang

Square Pharmaceuticals PLC

Square Road, Salgaria,

Pabna 6600, Bangladesh.

Pemegang Pendaftaran Produk

Medispec (M) Sdn Bhd

B-1-07, Jalan SS 25/22,

Taman Mayang,

47301 Petaling Jaya,

Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini

29/10/2024

Nombor siri

NPRA(R2/1)211024/767